

**Pencalonan MPP PKR 29 Mac**  
**MalaysiaKini.com**  
**Feb 13, 2014**

Pencalonan bagi pemilihan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) akan berlangsung di ibu pejabat parti pada 29 Mac depan, sementara pencalonan bagi peringkat cabang bermula pada 4 April.

Manakala keputusan rasmi calon yang berjaya menduduki kepimpinan parti akan diketahui seawal-awalnya pada 11 Mei depan.

Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) menetapkan pencalonan dan pengundian mengikut zon yang dibahagikan mengikut zon utara, timur, tengah dan selatan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Pengerusi JPP Datuk Johari Abdul berkata semua jawatan tertinggi parti bermula presiden hingga anggota MPP dibuka kepada semua ahli untuk dipertandingkan dan menghantar borang pencalonan ke ibu pejabat parti.

"Sementara pencalonan (di cabang-cabang) ada zon-zonnya. Kita buat serentak (semua di negeri terlibat). Begitu juga dengan pengundian, ada zon dan sektor supaya lebih teratur.

"Kita belajar daripada (kelemahan) pemilihan lalu," kata ahli parlimen Sungai Petani dalam sidang medianya hari ini.

Menurutnya, pencalonan peringkat cabang di Kelantan bermula 4 April; Melaka, Johor dan Pahang (5 April); Sabah dan Sarawak (6 April), Kedah (11 April), Perak, Pulau Pinang dan Perlis (12 April) dan Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri sembilan (13 April).

Sementara pengundian berlangsung pada 25 hingga 27 April pengundian akan berlaku di Sarawak, Johor, Melaka, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Pada 2 Mei hingga 4 Mei, pengundian akan berlangsung di Sabah, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Sementara, pada 9 Mei hingga 11 Mei penhundian akan berlangsung di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

Copyright © 1999-2014 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/254297>